

## Sumbangan ‘Anugerah Surau Imarah KPM’ Terhadap Pembentukan Akhlak Mahmudah Pelajar

*Khairul Muna binti Hashim*  
[khairmoon72@gmail.com](mailto:khairmoon72@gmail.com)  
*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*

*Khazri bin Osman*  
[khazri@ukm.edu.my](mailto:khazri@ukm.edu.my)  
*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*

### ABSTRAK

‘Anugerah Surau Imarah KPM’ merupakan program yang digagaskan oleh Unit Pengurusan Dakwah dan Syiar Islam, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program ini berbentuk sebuah pertandingan yang bermula sejak 2013 dalam usaha memperkasakan peranan surau sekolah ke arah kelestarian Pendidikan Islam. Hadirnya program ini telah menampakkan betapa pentingnya surau diperkasakan dalam komuniti sekolah sebagai pemangkin pembentukan personaliti pelajar yang akhirnya menyajikan kemenjadian pelajar dalam aspek rohani khususnya. Isunya, generasi remaja kini gersang daripada kehadiran insan bercirikan peribadi ‘al-Fateh’ yang lahir dalam sebuah pendidikan yang mementingkan solat berjemaah dan ibadah kerohanian seterusnya menjadikan surau sebagai ‘Pusat Pendidikan Rohani’. Maka, objektif kajian ini ialah mengenal pasti sumbangan ‘Anugerah Surau Imarah KPM’ terhadap pembentukan akhlak mahmudah pelajar. Oleh itu, satu kajian tinjauan bagi mengkaji persepsi pelajar terhadap; Program Anugerah Surau Imarah membantu dalam pembentukan akhlak mahmudah pelajar, menjadi konstruk yang dikaji. Persampelan diambil daripada kajian rintis terhadap 30 orang pelajar yang berada di sekolah yang menjuarai pertandingan Surau Imarah di Peringkat Kebangsaan pada tahun 2016. Instrumen soal selidik tersebut telah dianalisis dengan menggunakan perisian ‘Statistical Package for Social Science’ (SPSS). Instrumen tersebut mendapat pengesahan daripada 2 orang pakar daripada Fakulti Pendidikan dan Fakulti Pengajian Islam, Universti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini mendapati nilai *Cronbach's Alpha* ialah 0.816, iaitu berada dalam nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Selanjutnya kajian ini mempunyai signifikan terhadap KPM dalam memperkemaskan pelaksanaan program supaya matlamat menjadikan generasi muda yang beriman dan soleh atau solehah dapat dilahirkan.

**Kata Kunci:** Pengimarah Surau, Biah Solehah, Solat Berjemaah, Sahsiah, Kerohanian

## Contribution of 'MOE's *Imarah* (Prosper) Musalla Award' towards the Formation of Students' Noble Values

### ABSTRACT

‘MOE's *Imarah* (Prosper) Musalla Award’ is a program organized by the Islamic Missionary Management Unit, Islamic Education Division, Ministry of Education Malaysia (MOE). The program is a competition that began in 2013 to empower the role of the school Musalla towards Islamic Education sustainability. The presence of this program showed the importance of Musalla

enhancement in the school community as a catalyst for the development of students' personality that ultimately affects the students' outcome in the spiritual aspect. The issue is that the generation of teenagers is now bare of the present individual with the character of 'al-Fateh' which is born from an education that focuses on congregation prayers and spiritual worship, thus making the Musalla as 'The Center for Spiritual Education.' Therefore, the objective of this study was to identify the contribution of 'MOE's Imarah Musalla Award' towards the formation of students' good morality. Therefore, a survey to examine students' perceptions of The Imarah Musalla Award Program in developing students' noble values became the constructs to be studied. The sampling was taken from a pilot study of 30 students who were in school which won The Imarah Musalla Competition at the National Level in 2016. The questionnaires were analyzed using Statistical Packages for Social Science (SPSS). The instrument approved by two experts from the Faculty of Education and Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. The study found that the value of Cronbach's Alpha was 0.816, which mean high reliability. Furthermore, this study had a significant impact on MOE in effectively implementing the program so that the goal of producing the young and righteous believers can be achieved.

**Keywords:** Prosper Musalla, Biah Solehah (Good Environment), Congregational Prayer, Personality, Spirituality

Received: 27 November 2018

Accepted: 26 Desember 2018

Online Published: 31 Desember 2018

## PENGENALAN

'Anugerah Surau Imarah KPM' merupakan program bagi membudayakan pengimarah surau di sekolah. Program ini adalah hasil daripada satu pertandingan surau yang mampu mencapai standard instrumen penilaian (Laporan KPM. 2016) yang ditetapkan KPM agar diiktiraf sebagai surau imarah. Bermula pada tahun 2013 sehingga kini, setiap tahun surau sekolah yang mengambil bahagian akan dinilai mengikut standard tersebut sebelum dinobatkan sebagai surau imarah dalam pelbagai peringkat sama ada daerah, negeri atau kebangsaan.

Persoalannya, dalam konteks kewujudan Anugerah Surau Imarah tersebut tentunya perlu memperkasakan perannya dalam memberikan impak positif terhadap pembentukan akhlak mahmudah pelajar. Kebanyakan kajian tertumpu dalam isu teori dan praktis terhadap subjek Pendidikan Islam di surau sekolah tanpa melihat impaknya terhadap sahsiah pelajar secara langsung (Bani Hidayat 2015). Terdapat sedikit kajian yang mengaitkan persoalan pembentukan sahsiah pelajar (Mohd Ismail & Kamarul Azmi, 2008), (Ab. Halim Tamuri et al. 2015).

Justeru, artikel ini bertujuan bagi membincangkan tentang persepsi pelajar kerana objektif kajian ini ialah mengenal pasti sumbangan 'Anugerah Surau Imarah KPM' terhadap pembentukan akhlak mahmudah pelajar.

## TINJAUAN LITERATUR

Antara objektif yang digariskan KPM dalam melaksanakan program Anugerah Surau Imarah ini ialah menjadikan generasi muda yang beriman dan soleh atau solehah di dunia dan akhirat

(Laporan KPM, 2016). Selanjutnya, personaliti pelajar yang memiliki akhlak mahmudah dalam diri adalah merupakan keutamaan. Seorang penyair Mesir yang terkenal, Ahmad Syauqi telah menukilkan tentang persoalan akhlak iaitu:

*“Suatu bangsa itu kekal selama ia berakhlak. Jika akhlaknya lenyap, maka lenyaplah bangsa itu.”*

Oleh itu, dalam tinjauan literatur telah mendapati hanya sedikit perkaitan akhlak yang dikaji dalam usaha mengimarahkan surau di sekolah.

Pembudayaan Surau Imarah di sekolah membantu pembentukan akhlak mahmudah pelajar. Menyentuh tentang teori *Iceberg* (Ernest Hemingway, 1923) yang melihat indikasi di permukaan terhadap kejadian yang lebih besar di sebaliknya dengan analogi terhadap isu surau sekolah kurang diimarahkan dan penggunaannya pada tahap rendah adalah indikator terhadap permasalahan yang lebih serius. Amalan solat berjemaah adalah merupakan modul hebat dalam pembentukan personaliti unggul para Sahabat Rasulullah RA. Hal ini demikian kerana menyoroti sirah Rasulullah SAW mengasaskan Kerajaan Islam Madinah dengan berstrategikan pembinaan masjid terlebih dahulu adalah merupakan perkara yang utama dan perlu dipandang penting dalam proses pembinaan sesebuah tamadun umat. Dengan dapatan kualiti prasarana surau tidak setanding penggunaannya menampakkan kerisauan dalam masyarakat Islam (Jasmi Amin, 2011), (Bani Hidayat Mohd Shafie et al. 2017). Dapatan di Institusi Pengajian Tinggi menunjukkan ramai remaja tidak mengambil berat terhadap syiar Islam dan aktiviti kerohanian surau (Mohd Mahzan et al. 2008). Kajian juga menemui sekolah yang tiada prasarana surau yang lengkap dan penggunaannya tertumpu kepada solat fardu sahaja (Bani Hidayat Mohd Shafie & Nor Hayati Fatmi Talib, 2015).

Maka, surau sekolah perlu diperkasakan penggunaannya agar menjadi momentum ke arah menangani isu akhlak dalam kalangan pelajar. Dapatan tentang surau berfungsi sebagai tempat mendidik dan menyampaikan ilmu sekali gus berupaya melonjakkan kecemerlangan aspek sahsiah pelajar (Mohd Ismail & Kamarul Azmi, 2008), (Ab. Halim Tamuri et al. 2015). Manakala terdapat juga pelajar SMK Agama cenderung mengamalkan solat di awal waktu dan gembira melakukan amalan kerohanian di surau (Aerisuli Awang, 2011). Dalam kajian, terhadap tahap persepsi pelajar terhadap amalan di surau sekolah adalah pada tahap tinggi (Bani Hidayat Mohd Shafie et al. 2014). Dapatan menunjukkan Akhlak dan Adab Islamiah (AAI) mampu menangani kegawatan sosial dan moral (Asmawati Suhid, 2009). Dalam melaksanakan amalan pengimarahkan surau, penghayatan al Quran mampu memastikan akhlak mahmudah sentiasa tertanam dalam diri kerana bersesuaian dengan fitrah dan naluri manusia (Azli Fairuz Laki et al. 2015). Selanjutnya terdapat kajian tentang pengimarahkan surau di sekolah berjaya membentuk sahsiah pelajar (Bani Hidayat Mohd Shafie & Nor Hayati Fatmi Talib, 2015). Sehubungan itu, surau imarah ini diperlukan sebagai wadah pendidikan bersesuaian dengan latar belakang pelajar dalam persekitaran yang pelbagai.

Kewujudan *biah solehah* (persekitaran yang baik) membantu pembentukan akhlak mahmudah pelajar di sekolah. Kemunculan Program Anugerah Surau Imarah adalah sangat relevan dalam persekitaran sekolah sebagai panduan yang lebih sistematik. Umum mengakui bahawa menyentuh persoalan psikologi remaja, mereka mengutamakan rakan melebihi ibu bapa dalam pergaulan seharian (Masrifah Hidayani, 2016). Sekolah bertanggungjawab menjalankan aktiviti yang boleh membina sahsiah pelajar seperti kem ibadat, program mentor-mentee, minggu suai kenal pelajar,

program pembentukan sahsiah dan motivasi (Junainor Hassan et al. 2016). Jadi, faktor persekitaran sekolah yang baik dalam penerapan nilai-nilai murni terhadap sistem Pendidikan Islam yang berterusan dan mantap memainkan peranan utama dalam mempengaruhi keterlibatan pelajar dalam program di sekolah (Nik Safiah Nik Abdullah et al. 2015). Selanjutnya pendidikan akhlak dapat menangkis unsur-unsur yang negatif (Fadillah Mansor & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2008). Pembudayaan biah solehah ini mempunyai hubungan langsung dengan penghayatan akhlak pelajar (Norhisham Muhammad, 2015). Berdasarkan Teori Ibn Khaldun, persekitaran yang berbeza mampu mengubah kehidupan manusia ke arah sifat baik atau jahat.

*Qudwah hasanah* (model yang baik) membentuk akhlak mahmudah pelajar. Dalam pelaksanaan Surau Imarah ini guru sebagai 'mentor' bagi pelajar. Jika penggunaan surau tanpa pengurusan yang baik, akan berlakulah kesesakan di dalamnya dan menyukarkan PdP dijalankan dengan selesa. Maka usaha memperbesarkannya diperlukan (Mohd Faez Ilias, 2013). Menurut al Nahlawy (1983), sahsiah dan personaliti unggul guru-guru mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar melalui cara berinteraksi. Guru perlu memiliki jiwa yang bersih bagi menjauhi anasir yang buruk supaya ilmu yang disampaikan itu diaplikasikan dalam diri dan kehidupan. Dapatan menunjukkan, aspek kecerdasan spiritual adalah motivasi ke arah menegakkan nilai moral yang baik dan menjauhi sebarang bentuk kerosakan kepada peribadi individu (Masrifah Hidayani, 2016). Kajian terhadap Standard Guru Malaysia, mendapati Guru Pendidikan Islam menjaga maruah diri, melaksanakan ibadat dengan sempurna dan mampu menerapkan nilai Islam dalam pelaksanaan tugas mereka (Ab. Halim Tamuri et al. 2016). Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian tersebut, *qudwah hasanah* mampu menjadi pemangkin dalam kriteria sebuah surau imarah yang ditampilkan supaya hadirnya memberikan impak positif kepada warga sekolah.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan tinjauan persepsi pelajar terhadap sumbangan Anugerah Surau Imarah KPM dalam kalangan pelajar di sekolah menengah kebangsaan (SMK) harian yang menggunakan kaedah kuantitatif dan bersifat deskriptif dalam menghuraikan pemboleh ubah bagi menjelaskan situasi dalam lokasi terpilih (Mohammad Majid Konting, 2005).

Sehubungan dengan itu, hipotesis dibuat untuk mengandaikan kewajaran sama ada berbentuk nul ataupun alternatif. Dua hipotesis dikemukakan iaitu; Terdapat perbezaan terhadap sumbangan Anugerah Surau Imarah KPM dalam pembentukan akhlak mahmudah pelajar dan tidak terdapat perbezaan terhadap sumbangan Anugerah Surau Imarah KPM dalam pembentukan akhlak mahmudah pelajar.

Kajian rintis dalam kalangan 30 orang responden dengan menggunakan sampel bertujuan melalui soal selidik. Kajian ini telah ditentukan lokasi yang relevan iaitu terhadap sekolah yang melaksanakan Anugerah Surau Imarah KPM. Pemilihan sampel ini adalah sampel bertujuan terhadap pelajar yang mengikuti pertandingan Surau Imarah pada tahun 2016.

Dalam konstruk yang dipilih, Skala Likert disediakan bagi mengukur persetujuan responden daripada 1-5 (Mohamad Majid Konting, 2005). Wajaran skala yang dibentuk dari sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Penilaian berasaskan Koeffisien Cronbach telah dijalankan. Hasil analisis nilai kebolehpercayaan terhadap instrumen adalah 0.816

iaitu berada pada tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Menurut Mohammad Majid nilai Alpha Cronbach mestilah melebihi 0.60 bagi memastikan nilai instrumen itu di tahap yang mencukupi.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Bahagian A: Maklumat Demografi**

Responden ini dipilih berdasarkan jantina, aliran pengajian dan pencapaian mereka dalam peperiksaan PT3 2017. Responden lelaki seramai 43.3% manakala responden perempuan ialah 56.7% berdasarkan nisbah populasi. Mereka daripada kelompok aliran pengajian yang berbeza iaitu 50% dalam kalangan pelajar Pendidikan Seni, 40% daripada pelajar Sains Tulen dan 10% daripada pelajar Sains Komputer. Pencapaian dalam subjek Pendidikan Islam pula ialah 100% lulus dengan 46.7% mendapat gred A, 13.3% gred B, 20% gred C dan 20% gred D. Selepas dua tahun pelaksanaan Anugerah Surau Imarah KPM berlangsung di sekolah ini, pelajar-pelajar menunjukkan peningkatan minat untuk mempelajari subjek Pendidikan Islam. Kategori pelajar ini adalah pelajar terpilih secara sampel bertujuan kerana mereka terlibat secara langsung dalam Pertandingan Anugerah Surau Imarah KPM 2016.

### **Bahagian B: Reaksi Responden**

Berikut ialah persepsi pelajar terhadap item yang diuji daripada konstruk 1 iaitu Program Surau Imarah KPM dapat membantu dalam pembentukan akhlak mahmudah pelajar. Dalam dapatan analisis, skor min berada pada tahap sangat tinggi dan tinggi. Item soal selidik ini memfokuskan kepada sepuluh nilai yang diterjemahkan dalam bentuk amalan sama ada Program Surau Imarah KPM ini membantu dalam pembentukan akhlak mahmudah pelajar atau sebaliknya. Antara sepuluh nilai murni ialah berdisiplin, berkeyakinan diri, kekuatan jati diri, bermotivasi hadir amali solat, menjaga solat fardu, bersifat ikhlas, berdaya saing, semangat setia kawan, beramal dengan Islam dan membantu guru melaksanakan solat berjemaah.

Terdapat enam item yang menunjukkan skor min pada tahap sangat tinggi daripada sepuluh item yang disoal. Manakala empat daripada enam item tersebut iaitu memberi motivasi kepada pelajar untuk hadir dalam mata pelajaran amali solat, membantu pelajar berlumba-lumba untuk beramal soleh terutama menjaga solat fardu, memudahkan pelajar berlatih mendirikan solat dengan betul bersama rakan-rakan dan membantu guru memastikan pelaksanaan solat zuhur adalah berkisar tentang amalan para pelajar yang melibatkan pergaulan mereka dengan rakan sebaya. Sila rujuk Jadual 1.

**Jadual 1:** Skor Min, Sisihan Piawai Dan Tahap Bagi Item-Item Konstruk Program Surau Imarah Membantu Dalam Pembentukan Akhlak Mahmudah Pelajar

Program Surau Imarah;	Min	Sisihan Piawai	Tahap
membantu mendisiplinkan diri saya	4.20	0.551	Tinggi
membina keyakinan diri saya menjadi pelajar yang menghargai masa.	4.10	0.548	Tinggi
membina kekuatan jati diri daripada melanggar disiplin sekolah	4.07	0.740	Tinggi
memberi motivasi kepada saya untuk hadir dalam mata pelajaran amali solat PAFA.	4.37	0.669	Sangat Tinggi
membantu saya berlumba-lumba untuk beramal soleh terutama menjaga solat fardu.	4.53	0.669	Sangat Tinggi
mendorong diri saya sentiasa ikhlas dalam beramal	4.60	0.563	Sangat Tinggi
menggilap bakat kepimpinan saya sebagai imam / bilal / siak	4.10	0.662	Tinggi
memudahkan saya berlatih mendirikan solat dengan betul bersama rakan-rakan.	4.60	0.498	Sangat Tinggi
mendorong saya beramal dengan ajaran Islam yang sebenar.	4.67	0.479	Sangat Tinggi
membantu guru saya memastikan pelaksanaan solat zuhur berjemaah di surau.	4.40	0.563	Sangat Tinggi

Nilai min tertinggi ialah 4.67 iaitu pada item Program Surau Imarah mendorong pelajar beramal dengan ajaran Islam yang sebenar. Manakala skor min yang terendah masih pada tahap tinggi iaitu 4.07 tentang Program Surau Imarah membina kekuatan jati diri daripada melanggar disiplin sekolah. Skor min pada 4.6 ke atas adalah pada item Program Surau Imarah mendorong diri pelajar sentiasa ikhlas dalam beramal, memudahkan pelajar berlatih mendirikan solat dengan betul bersama rakan-rakan dan mendorong pelajar beramal dengan ajaran yang sebenar. Sila rujuk Jadual 1.

Frekuensi yang tertinggi pada skala sangat setuju sebanyak 66.7% ditunjukkan dalam item Program Surau Imarah mendorong pelajar beramal dengan ajaran Islam yang sebenar. Demikian juga item Program Surau Imarah mendorong diri pelajar sentiasa ikhlas dalam beramal menunjukkan frekuensi skala sangat setuju sebanyak 63.3% dan item Program Surau Imarah memudahkan pelajar berlatih mendirikan solat dengan betul bersama rakan-rakan juga menunjukkan frekuensi skala sangat setuju sebanyak 60%. Manakala dapatan pada item Program Surau Imarah membina kekuatan jati diri daripada melanggar disiplin sekolah telah menunjukkan peratusan terendah pada skala sangat setuju. Sila rujuk Jadual 2, 3,4 dan 5.

**Jadual 2:** Item (Program Anugerah Surau Imarah Mendorong Saya Beramal Dengan Ajaran Islam Yang Sebenar)

Persepsi Responden	Frekuensi	Peratusan
Skala Setuju	10	33.3
Sangat Setuju	20	66.7
Total	30	100.0



**Jadual 3: Item (Program Surau Imarah Mendorong Diri Saya Sentiasa Ikhlas Dalam Beramal)**

Persepsi Responden		Frekuensi	Peratusan
Skala	Kurang Setuju	1	3.3
	Setuju	10	33.3
	Sangat Setuju	19	63.3
	Total	30	100.0

**Jadual 4: Item (Program Surau Imarah Memudahkan Saya Berlatih Mendirikan Solat Dengan Betul Bersama Rakan-Rakan)**

Persepsi Responden		Frekuensi	Peratusan
Skala	Setuju	12	40.0
	Sangat Setuju	18	60.0
	Total	30	100.0

**Jadual 5: Item (Program Surau Imarah Membina Kekuatan Jati Diri Daripada Melanggar Disiplin Sekolah)**

Persepsi Responden		Frekuensi	Peratusan
Skala	Tidak Setuju	1	3.3
	Kurang Setuju	4	13.3
	Setuju	17	56.7
	Sangat Setuju	8	26.7
	Total	30	100.0

Secara keseluruhan, dapatan telah menunjukkan pelajar mempunyai persepsi yang positif dan menghargai sumbangan Program Surau Imarah dalam pembentukan akhlak mahmudah pelajar. Nilai sisih piawai yang kecil di antara (0.47 – 0.74) menunjukkan terdapat perbezaan pendapat yang kecil dalam kalangan peserta terhadap item-item yang diuji.

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhan Program Anugerah Surau Imarah KPM adalah satu usaha KPM dalam menyemarakkan peranan surau melalui pengimarahannya di sekolah bagi melestarikan Pendidikan Islam secara holistik. Justeru program ini adalah berfokus di surau-surau sekolah yang berperanan secara langsung sebagai ‘Pusat Pendidikan Rohani’ (BPI, 1989). Sudah pasti keberkesannya dalam pembentukan akhlak mahmudah adalah sinonim dan relevan. Maka menyentuh kepada dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa persepsi pelajar terhadap sumbangan program tersebut mempunyai signifikannya terhadap dunia Pendidikan Islam secara khusus.

Kajian ini telah menunjukkan item tertinggi skor min iaitu Program Anugerah Surau Imarah dapat mendorong pelajar beramal dengan ajaran sebenar. Hal demikian telah menunjukkan secara langsung bahawa mereka meletakkan peranan Guru Pendidikan Islam sebagai ‘role model’ dalam

pendidikan akhlak pelajar. Sila rujuk Jadual 1. Dapatan juga menunjukkan empat daripada enam item yang mempunyai skor min tahap sangat tinggi adalah berkisar tentang amalan para pelajar yang melibatkan pergaulan mereka dengan rakan sebaya. Sila rujuk Jadual 1. Manakala dapatan seterusnya melalui analisis frekuensi amalan pada skala sangat setuju telah menunjukkan amalan kerohanian secara individu diberikan perhatian serius dalam kalangan pelajar. Sila rujuk Jadual 2, 3 dan 4. Akhir sekali tentang item Program Surau Imarah membina kekuatan jati diri daripada melanggar disiplin sekolah memiliki frekuensi skala sangat setuju yang terendah, namun dapatan ini masih menunjukkan skor min pada tahap yang tinggi. Sila rujuk Jadual 1 dan 5.

Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat kajian yang selari dan agak berbeza berdasarkan kekangan yang dikemukakan dalam kajian. Antara dapatan yang dilihat selari dengan hasil kajian ini ialah sahsiah dan personaliti unggul guru-guru mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar melalui cara berinteraksi. Guru perlu memiliki jiwa yang bersih bagi menjauhi anasir yang buruk supaya ilmu yang disampaikan itu diaplikasikan dalam diri dan kehidupan (al-Nahlawy, 1983). Seterusnya, aspek kecerdasan spiritual adalah motivasi ke arah menegakkan nilai moral yang baik dan menjauhi sebarang bentuk kerosakan kepada peribadi individu (Masrifah Hidayani, 2016). Terdapat juga kajian daripada persepsi murid terhadap guru tentang Standard Guru Malaysia, mendapati Guru Pendidikan Islam menjaga maruah diri, melaksanakan ibadat dengan sempurna dan mampu menerapkan nilai Islam dalam pelaksanaan tugas mereka (Ab. Halim Tamuri et al. 2016). Oleh itu, kajian yang dibentangkan ini menyokong dapatan kajian yang telah dikemukakan. Bagi pelajar, ajaran Islam sebenar disampaikan oleh guru-guru yang berkriteria seperti di dalam dapatan-dapatan lepas.

Selanjutnya terdapat perbezaan dalam dapatan lepas yang tidak berorientasikan Program Anugerah Surau Imarah ini. Dapatan tersebut antaranya; Akibat penggunaan surau tanpa pengurusan yang baik berlakulah kesesakan dan menyukarkan PdP dijalankan dengan selesa (Mohd Faez Ilias, 2013). Dapatan menunjukkan dengan ketiadaan Program Anugerah Surau Imarah, penggunaan surau tidak seiring dengan prasarananya iaitu tertumpu kepada ibadat khusus sahaja (Jasmi Amin, 2011), (Bani Hidayat Mohd Shafie & Nor Hayati Fatmi Talib, 2015), (Bani Hidayat Mohd Shafie et al. 2017). Dapatan seterusnya juga memperlihatkan remaja tidak mengambil berat terhadap syiar Islam dan aktiviti kerohanian surau (Mohd Mahzan et al. 2008). Oleh itu, Program Anugerah Surau Imarah ini diperlukan dalam usaha pembentukan akhlak mahmudah pelajar.

Selain daripada itu, terdapat juga kajian yang menyokong hasil dapatan ini iaitu pendidikan dan penyampaian ilmu di surau mampu melonjakkan kecemerlangan sahsiah pelajar (Mohd Ismail & Kamarul Azmi, 2008), (Ab. Halim Tamuri et al. 2015). Dapatan menunjukkan pelajar di SMK Agama solat di awal waktu dan mereka gembira menyertai aktiviti keagamaan di surau sekolah (Aerisuli Awang, 2011). Seterusnya, dapatan amalan penghayatan al Quran di surau mampu memastikan pelajar berakhlak yang bersesuaian dengan fitrah dan naluri manusia (Azli Fairuz Laki et al. 2015). Terdapat juga kajian tentang fungsi, peranan dan aktiviti surau di sekolah berjaya membentuk sahsiah pelajar (Bani Hidayat Mohd Shafie & Nor Hayati Fatmi Talib, 2015).

Kajian ini disokong dengan teori pembelajaran ke arah perubahan tingkah laku pelajar terhadap pembentukan akhlak mahmudah. Teori Albert Bandura (2001) telah menunjukkan pembentukan akhlak individu pelajar dipengaruhi dengan perkembangan kognitif serta dapat mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif untuk mempraktikkan amalan yang baik dalam kehidupan. Justeru, Program ini diyakini menyediakan *input* dan persekitaran yang baik bagi memupuk



pembentukan akhlak mahmudah dalam kalangan pelajar di sekolah. Bahkan pelajar berkenaan mampu menunjukkan sikap yang positif dalam pembelajaran dan menjalinkan hubungan sosial yang baik di sekolah dan di luar sekolah.

Selain itu, kajian ini juga boleh diguna pakai dalam konteks komuniti setempat dalam pengimarah masjid dan surau ke arah melahirkan masyarakat yang berilmu dan berakhlak, di mana wujudnya suasana saling bantu-membantu dan bekerjasama sesama mereka. Oleh itu, sewajarnya program ini diangkat sebagai program yang perlu diperkasakan terutamanya dalam kalangan pelajar di SMK harian kerana sentuhan program ini dilihat mampu memberikan sumbangan dalam aspek perubahan sikap ke arah pembentukan akhlak mahmudah pelajar.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenal pasti sejauh mana sumbangan ‘Anugerah Surau Imarah KPM’ terhadap pembentukan akhlak mahmudah pelajar. Hal ini telah dibuktikan dengan dapatan yang diperolehi terhadap persepsi pelajar yang cenderung kepada amalan pengimarah surau. Mereka berpendapat peranan guru sebagai ‘role model’, kecenderungan bergaul dengan rakan sebaya dan minat terhadap amalan kerohanian diri memberikan sumbangan kepada perubahan sikap yang baik. Lanjutan daripada itu, SMK harian disarankan agar memberikan perhatian serius terhadap program ini untuk mengambil panduan bagi merealisasikan pembinaan kerohanian pelajar dan juga pembentukan akhlak mahmudah dalam kalangan mereka. Menurut Erik Erikson dalam teori personaliti, perkembangan psikologi remaja pada usia 12 – 18 tahun berhadapan dengan krisis identiti dalam perubahan fizikal dan emosi yang pesat (Helen Bee & Denise Boyd, 2014). Maka remaja amat wajar ditangani dengan menyediakan alternatif pengisian kerohanian. Sekiranya perkara ini tidak diisi dengan perancangan yang rapi seperti Program Anugerah Surau Imarah yang telah diperkenalkan ini, mereka akan mencari alternatif yang dibimbangi akan menjerumuskan diri ke arah negatif. Oleh itu, Program Anugerah Surau Imarah KPM ini amat perlu dilaksanakan dan diperkasakan dalam komuniti sekolah khususnya di SMK harian dalam menangani kebejatan akhlak dewasa kini. Kajian ini juga boleh dijadikan penanda aras untuk kajian-kajian selanjutnya baik dalam bidang psikologi mahupun pendekatan dakwah dalam menguruskan jiwa remaja yang memerlukan sentuhan. Kajian ini juga relevan di peringkat antarabangsa kerana pendidikan ini bersifat subjektif dan terbuka.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, Mohd Aderi Che Noh & Mohd Izham Hamzah. (2016). *Persepsi Murid-murid Terhadap Amalan Guru Pendidikan Islam di Malaysia*. Bangi. Jurnal Pendidikan dan Inovasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur. Jurnal al-Thaqafah, Malaysia.
- Aerisuli Awang. (2011). *Penghayatan Ibadah dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial di Kalangan Pelajar SMK Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu*. Kuala Lumpur. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Al-Nahlawy, Abd. Rahman. (1983). *Usul al-Islamiyyah wa Asalibiha fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Beirut: Dar al-Fikri, Beirut Lubnan.

- Asmawati Suhid. (2009). *Adab dan Akhlak Islam dalam Pendidikan Islam; Satu Kajian Kes di Selangor*. Kuala Lumpur. Jurnal CITU, Malaysia.
- Azli Fairuz Laki, Mohd Shafie bin Hamzah & Wan Hishamudin bin Wan Jusoh. (2015). *Pembentukan Akhlak Mahmudah sebagai Mekanisme Pembangunan Insan: Analisis Terhadap Tafsir Fi Zilal al-Quran*. Kuala Lumpur. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam. (1989) *KP, 5206/12/5(17)*, 2 Mac 1989.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani & Nor Hayati Fatmi Talib. (2017). *Persepsi Murid Terhadap Penggunaan Surau Sekolah di SMK di Malaysia*. Bangi. Jurnal Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bani Hidayat Mohd Shafie & Nor Hayati Fatmi Talib. (2015). *Pengimarahkan Surau dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah*. Bangi. Jurnal Persatuan Intelek muslim, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib, Ab. Halim Tamuri & Kamarulzaman Abdul Ghani, (2014). *Persepsi Pelajar Terhadap Fungsi Surau Sekolah Sebagai Pusat Pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan*. Bangi. Jurnal al-Quran dan Tarbiyah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fadillah Mansor & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2008). *Pembangunan Modal insan dari Perspektif Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur. Akademi Islam Universiti Malaya.
- Helen Bee & Denise Boyd. (2014). *Lifespan Development Seventh Edition*. United States of America. Houston Community College System
- Junainor Hassan, Salleh Abd Rashid, Suliadi Firdaus Sufahani & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. (2016). *Buli di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Luar Bandar: Kajian Kes di Kawasan Felda Utara Kedah- Perlis, Malaysia*. Kuala Lumpur. Jurnal Psikologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Faez Ilias. (2011). *Penggunaan Masjid dan Persekitaran Sekolah dalam Amalan Pengajaran dan pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. Banda. Kertas Kerja Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa. Indonesia.
- Laporan KPM. (2016). *Instrumen Penilaian Anugerah Surau Imarah Sekolah-Sekolah KPM Peringkat Kebangsaan Tahun 2016*.
- Masrifah Hidayani. (2016). *Pembentukan Akhlak melalui Pembinaan Kecerdasan Spiritual*. Bengkulu. Jurnal at Ta'lim, Indonesia.
- Mohammad Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Faez Ilias, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2013). *Faktor Dorongan dan Halangan Pengguna Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari*. *Kajang*. Seminar Pendidikan Islam di Institut EPF. Selangor, Malaysia.
- Nik Safiah Nik Abdullah, Selamah Maamor, Abdullah Abd Ghani, Norazlina Abd Wahab, Mohd Shahril Ahmad Razimi, Ahmad Bashir Aziz & Nor Hanim Elias. (2015). *Kepentingan Elemen Kerohanian dalam Perlaksanaan Aktiviti di MRSM Ulul Albab: Kajian Kes di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur. Journal of Global Business dan Social Entrepreneurship, Malaysia.
- Norhisham Muhamad. (2015). *Biah Solehah dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tanjung Malim. Tesis Universiti Pendidikan Sultan Idris.

## **TENTANG PENULIS**

Khairul Muna binti Hashim berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ulum Wahyu dan Warisan Islam (Kepujian) (UIAM) dan merupakan Pelajar Sarjana di Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pernah berkhidmat sebagai guru di tujuh buah SMK harian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di negeri Selangor, Melaka, Sarawak dan Kuala Lumpur (1996-sekarang).

Khazri bin Osman (PhD), merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pernah bertugas sebagai guru di SMKA Sheikh Haji Mohd Said, Seremban (2001-2006) seterusnya di Unit Bahasa Arab, FPI. Bidang kepakaran ialah sastera, analisis wacana dakwah, balaghah Arab serta dakwah dan pendidikan.